

01/05/1999

Melayu sertai rusuhan tidak bersyukur

Anak Jati Johor

SAYA amat kesal melihatkan pengikut Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sehingga kini masih membelanya dengan mengadakan pelbagai perhimpunan reformasi. Ada antara mereka ialah intelek dan juga anggota kerajaan.

Pengorbanan tokoh perjuangan Umno yang memberikan kepada kita kehidupan yang selesa pada hari ini tidak dihargai penyokong Anwar.

Orang Melayu sudah tidak ada semangat patriotik. Jika benar mereka disogokkan dengan wang oleh kuasa asing maka orang yang mengaku Melayu sudah tidak ada maruah bangsa lagi.

Jangan dilupakan dan dipersia-siakan perjuangan tokoh Umno. Adakah kita semua ingin dijajah semula. Kalau kita minta dijajah semula, maka kita sudah buta sejarah.

Perlu juga diingatkan dengan adanya Dasar Ekonomi Baru (DEB) maka kebanyakan muda-mudi Melayu yang mendapat kelulusan seperti nyawa ikan, jika dibandingkan dengan pelajar bukan Melayu, disumbatkan masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Setahu saya kebanyakan mereka datangnya daripada keluarga yang mana ibu bapa mereka juga adalah kakitangan kerajaan.

Oleh itu, mereka ini sejak lahir dibesarkan dengan rezaki `makan gaji dengan kerajaan.'

Sehingga merka ditempatkan di IPT masih lagi menagih biasiswa dengan kerajaan.

Selepas mereka ini diberikan biasiswa oleh kerajaan, mereka mengutuk segala sistem kerajaan pula. Saya amat kesal dan malu dengan bangsa Melayu yang tidak sedar diri ini.

Ada antara golongan intelek ini anak peneroka yang juga dibesarkan dengan subsidi kerajaan. Boleh dikatakan orang Melayu tidak boleh hidup tanpa bantuan kerajaan.

Saya cadangkan mereka yang terbabit dengan reformasi haram ini ditarik biasiswa dan disenaraihitamkan terus daripada menerajui kerajaan kerana takut akan jadi pembelot kepada bangsa dan negara.

Golongan ini mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gila kuasa dan mahkamah dikuasai Perdana Menteri. Begitu juga dengan media cetak dan elektronik.

Adakah ini dikatakan golongan intelek? Inilah yang dikatakan golongan intelek yang buta mata dan buta hati. Ada juga yang mengatakan dalam Islam tidak ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Namun, mereka lupa atau sengaja buat tidak tahu sedangkan Islam juga tidak suruh umatnya menimbulkan huru-hara.

Selaku seorang Perdana Menteri yang mempunyai seorang timbalan anak didik beliau dan bakal menggantikannya, tidak mungkin Dr Mahathir memecat Anwar tanpa bukit kukuh.

Bukankan Dr Mahathir itu juga manusia yang mempunyai perasaan dan maruah bangsa?

Adakah golongan intelek pandai buat reformasi saja. Bagaimana dengan motivasi dan inovasi yang disarankan kerajaan.

Golongan intelek yang berinovasi lebih dikagumi daripada yang pandai buat reformasi haram.

Kalau asyik dengan reformasi dan tunjuk perasaan sahaja mana ekonomi akan. Kestabilan politik juga turut terjejas.

Sepatutnya golongan intelek ini yang menjadi harapan bangsa dan negara untuk menerajui kerajaan dan generasi akan datang agar dikagumi dunia.

Sebagai rakyat Malaysia kita harus sedar bahawa dulu Barat beranggapan orang Malaysia duduk atas pokok. Mereka tidak tahu pun Malaysia ini wujud.

Begitu daifnya orang Malaysia dulu. Siapakah yang bertungkus-lumus bekerja siang dan malam tanpa mengira waktu dan kesihatan menaikkan martabat bangsa dan meletak Malaysia di mata dunia.

Sehingga Barat takut apabila Dr Mahathir mengatakan Buy British last. Orang Melayu masih tidak sedar diri lagi ke?

Ada juga di kalangan anggota kerajaan berani mengatakan Mahathir tidak Islamik. Adakah kerana Dr Mahathir tidak baca khutbah maka dikatakan beliau tidak Islamik? Bak kata pepatah Inggeris, never judge a book by its cover.

Namun, kalau diperhatikan ada di kalangan anggota kerajaan yang membuat urusan peribadi waktu pejabat.

Contohnya, minum di kantin atau di gerai sambil bersembang berjam-jam, membuat urusan peribadi dengan bank, urusan perniagaan dan menghantar anak ke sekolah atau ke klinik untuk mendapatkan rawatan.

Semuanya ini mereka gunakan waktu kerja. Sekiranya mereka mengaku Islamik, mengapa tidak ditolak gaji mengikut jam yang mereka gunakan untuk urusan peribadi.

Sebab itu pepatah Inggeris mengatakan no one is perfect.

Oleh itu kita jangan menghina orang lain kalau diri sendiri pun tidak betul.